

## Berita Harian ◆ SAJIAN KHAS HARIINI: AZAM MILENIAL

# Impian kerjaya dari jururawat ke doktor

Catat sejarah sebagai lulusan kejururawatan Politeknik Ngee Ann pertama berjaya masuk Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura



► NATASHA  
MUSTAFA  
nmustafa@sph.com.sg

SEPANJANG pengajian-nya dalam bidang kejururawatan di Politeknik Ngee Ann (NP), Encik Muhammad Afiq Nabil Atiman mendapat pendedahan kepada pelbagai jabatan di hospital.

Daripada menjaga kanak-kanak dan warga emas sehingga pesakit di wad kolorektum yang memerlukan perhatian tambahan.

Walaupun menjaga pesakit adalah sesuatu yang dekat di hatinya, kini, Encik Afiq mahu melakukan lebih daripada itu.

Pemuda berusia 21 itu bakal melanjutkan pengajianannya dalam bidang perubatan tidak lama lagi.

Beliau mencatat sejarah sebagai lulusan bidang kejururawatan pertama dari NP yang berjaya memasuki Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura (NUS).

Itanya mengapa beliau memiliki bidang tersebut, Encik Afiq berkata ia merupakan peluang yang tidak dapat belian lepaskan.


“Bagi saya, seorang doktor mempunyai lebih autonomi dari segi bagaimana mereka dapat membantu pesakit.

“Ini termasuk menetapkan ubat yang perlu mereka ambil serta melaksanakan pembedahan kecil atau besar sekiranya perlu tanpa batasan,” katanya.

“Sebagai seorang individu yang minat dalam bidang kesihatan secara am, saya berasa ini adalah peluang yang saya harus rebut supaya dapat menggunakan kemahiran untuk membantu mereka yang memerlukan,” jelasnya.

Namun, Encik Afiq, akur peluang itu tidak muncul dengan mudah. Beliau perlu membuat dua permohonan ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS.

Menurut pemuda yang sedang menjalani Perkhidmatan Negara (NS) itu, perasaan gairah apabila



TERSENUTU DEDEKASI KARYAWAN PERUBATAN: Encik Afiq (tengah), anak sulung tiga beradik mula terdedah kepada tugas karyawan hospital seawal usia empat tahun apabila menemaninya ibunya, Cik Sarena Shahari (kanan), ke hospital bagi janji temu adik Encik Afiq yang menghadapi palsi serebrum. (Di kiri) ialah ayahnya, Encik Atiman Tukeyan. — Foto-foto BH KELVIN CHNG

mendapat tempat di sekolah perubatan NUS adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan.

“Ketika itu saya di dalam klinik dan tergerak untuk log masuk ke dalam sistem dan semak jika saya mendapat tawaran tersebut.

“Apabila saya melihat tawaran dari NUS pada 3 pagi ketika itu, saya terus tidak dapat tidur.

“Saya sanggup tunggu sehingga subuh sebelum menelefon ibu bapa saya untuk memberitahu berita ini,” ceritanya sambil ketawa.

Anal sulung tiga beradik yang pernah ditawar mengikuti program kejururawatan di NUS tahun lalu itu berkata minatnya dalam bidang perubatan tersebut apabila melihat dedikasi doktor dan jururawat dalam menjaga adik lelakinya yang menghadapi palsi serebrum.

Seawal usia empat tahun, Encik Afiq sudah mula mengikut ibunya yang membawa adiknya itu ke hospital untuk janji temu dengan doktor.

Kini, Encik Afiq turut membantu menjaga adik lelakinya, Muhammad Akid Anugerah, 17 tahun.

Meskipun harus mengimbangi masa antara tuntutan sekolah dengan menjaga adiknya, ia tidak pernah menghalang Encik Afiq mencapai kecemerlangan.

Pada 2018, beliau merupakan penerima Anugerah Merit NP.

Di samping itu, Encik Afiq turut berada dalam Senarai Pengaruh selama empat semester berturut-turut pada 2018 dan 2019 menyusuli pencapaian akademik yang memberangsingkan.

Tahun lalu pula, beliau dianugerahkan hadiah tahunan tamat penga-

## 18 lulusan poly masuk sekolah perubatan NUS, jumlah tertinggi

SERAMAI 18 lulusan politeknik berjaya diterima masuk ke Sekolah Perubatan Yong Loo Lin Universiti Nasional Singapura tahun ini.

Ini merupakan bilangan rekod tertinggi yang diambil oleh universiti itu sejak menerima dua lulusan pertama dari Politeknik Ngee Ann pada 2007.

Sekolah itu yang menerima sekitar 300 pelajar setiap tahun,

menyaksikan antara enam dengan tujuh lulusan politeknik setiap sepanjang tiga tahun lalu, lapor *The Straits Times*.

Sekolah itu berkata, jumlah tersebut semakin meningkat apabila lebih ramai lulusan politeknik dengan diploma berkaitan, termasuk sains bioperubatan dan kejururawatan, memilih untuk mengikuti pengajian perubatan.

Dekan sekolah itu, Profesor Chong Yap Seng berkata, lebih ramai pelajar politeknik turut menunjukkan prestasi cemerlang dalam penilaian kemasukan tahun ini.

“Pelajar politeknik secara amnya memperbaiki pemahaman yang baik tentang kemahiran praktikal dan pengetahuan gunaan yang meletakkan mereka dalam kedudukan yang baik,” katanya.

Beliau menambah: “Meskipun gred akademik adalah pertimbangan penting untuk memasuki sekolah, pelajar mampu menghadapi kesukaran kurikulum perubatan, proses kemasukan Sekolah

Perubatan Yong Loo Lin menimbulkan pencapaian pelajar melebihi gred akademik mereka, dalam bidang seperti khidmat kemasyarakatan, kepimpinan, kajian dan perkhidmatan negara, serta nilai-nilai yang betul yang akan menyaksikan mereka menjadi doktor yang cekap dan penuh berasa ibrah pada masa akan datang.”

“Semua calon yang disenaraikan pendek akan menjalani penilaian kemasukan yang terdiri daripada penilaian kemahiran fokus dan ujian pertimbangan situasi.

Bagi kemahiran fokus, mereka dinilai melalui siri temu bual.

Pemohon menduduki ujian pertimbangan situasi secara dalam talian, di mana mereka diberikan soalan dengan senario dan mereka perlu memilih tindakan yang sesuai.

Ditanya mengenai kepelbagaian pelajar yang lebih besar, termasuk pelajar dari maktab rendah yang kurang kompetitif, Sekolah Seni Singapura (Sota) dan Sekolah Sultan Singapura, Profesor Chong berkata sekolah itu mengalau-alukan dan menerima pelajar dari semua latar belakang.

“Kepelbagaian pengalaman, kemahiran dan penilaian yang dibawa oleh pelajar dari sekolah yang berbeza dan latar belakang pendidikan berlainan membantu memperkayakan proses pembelajaran dan interaksi dalam kalangan rakan sebaya mereka,” tambah beliau.

jian SATA CommHealth setelah mendapat kedudukan tertinggi antara kohortnya bagi modul Projek Penyelidikan.

Pencapaiannya itu terus membakar semangatnya untuk menceburkan diri bidang perubatan.

“Masih banyak lagi yang saya boleh pelajari, jadi saya sangat gembira diberi peluang.

“Pada masa yang sama, saya ber-

harap dapat menjadi inspirasi kepada anak-anak muda masyarakat kita untuk tidak takut mengorak langkah dalam bidang seperti ini,” katanya yang akan memulakan program itu tahun hadapan.

Encik Afiq berharap dapat menceburkan diri bidang perubatan khususnya dalam pencegahan.

Beliau mahu menjadi doktor yang dapat menyumbang semula kepada masyarakat.